

Dr M individu Asia pertama miliki jam Kutub Utara

BH - 14/10/2004: 3 Perdana

PUTRAJAYA: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad semalam menerima hadiah seutas jam tangan eksklusif edisi Kutub Utara menjadikan beliau individu pertama di Asia yang memiliki jam tangan istimewa itu.

Jam bernombor siri 110 daripada 250 edisi terhad itu disampaikan kepada Dr Mahathir oleh Duta Norway di Malaysia, Arild Eik pada majlis ringkas di Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini.

Turut hadir bakal wanita Asia pertama merentasi Antartika secara solo, Datin Paduka Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir dan Presiden Peratuan Wanita Bumiputera Dalam Perniagaan dan Profesion Malaysia (Peniagawati), Hazimah Zainuddin.

Pemberian jam tangan edisi terhad itu adalah tanda pengiktirafan atas cetusan idea dan sokongan serta pembakar semangat yang dilayangkan Dr Mahathir kepada rakyat Malaysia dan Asia.

Ia juga bagi memberi penghargaan kepada bekas Perdana Menteri selaku pengerusi dan penasihat Ekspedisi Solo Jelajah Antartika 2004/2005.

Jam tangan edisi Kutub Utara dari jenama Amundsen Oslo adalah satu-satunya jam tangan eksklusif keluaran Norway. Ia dihasilkan oleh Jorgen Amundsen yang mempunyai ikatan persaudaraan dengan Roald Amundsen iaitu lelaki pertama menakluki Antartika pada 14 Disember 1911.



DR MAHATHIR melihat jam tangan eksklusif edisi Kutub Utara yang diterimanya sambil diperhatikan Sharifah Mazlina pada majlis ringkas di Yayasan Kepimpinan Perdana, semalam. - Gambar oleh Hadzme Mohd Jaafar